

03/01/1997

Pemuda puas hati penjelasan MB

KOTA BHARU, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno berpuas hati dengan penjelasan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berhubung kes penahanannya di Australia kerana tidak mengisytiharkan wang RM2.4 juta ketika meninggalkan negara itu.

"Apa yang dijelaskan memuaskan hati dan kita tidak mahu menambah kenyataan kerana ia mungkin mengeruhkan keadaan," kata Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi kepada pemberita di pejabat Umno negeri di sini, hari ini.

Menurutnya Pemuda Umno mempunyai pendirian yang sama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sehubungan itu `kita jangan prejudis mengenai isu ini sampailah mahkamah membuat keputusan'.

Muhammad ditahan di Brisbane, Australia pada 22 Disember lalu kerana gagal mengisytiharkan sejumlah wang yang dibawanya itu kepada pihak berkuasa Australia.

(END)